

Oleh Presiden Thomas S. Monson



Berkat Kepatuhan

“**P**engajaran yang paling besar kita boleh belajar dalam kefanaan,” Presiden Thomas S. Monson telah mengajar, “adalah apabila Tuhan berfirman dan kita mematuhi, kita sentiasa akan betul.”¹

Kita juga akan diberkati. Seperti dikatakan oleh Presiden Monson dalam persidangan umum baru-baru ini: “Apabila kita mematuhi perintah-perintah, kehidupan kita akan menjadi lebih gembira, lebih bermakna, dan kurang rumit. Cabaran dan masalah kita akan menjadi lebih senang untuk dilalui, dan kita akan menerima berkat-Nya yang dijanjikan.”²

Dalam petikan yang berikutnya daripada ajaran Presiden Monson sebagai Presiden Gereja, dia mengingatkan kita bahawa perintah-perintah adalah panduan paling pasti kepada kegembiraan dan kedamaian.

Panduan-panduan untuk Perjalanan

“Perintah Tuhan tidak diberi untuk menghampakan kita atau menjadi halangan kepada kegembiraan kita. Apa yang bertentangan adalah benar. Dia yang mencipta kita dan mengasihi kita secara sempurna tahu bagaimana kita harus menjalankan kehidupan kita untuk mendapatkan kegembiraan yang paling besar. Dia telah menyediakan panduan-panduan untuk kita, jika kita mengikutinya, akan memastikan kita selamat melalui kehidupan fana yang selalunya berbahaya. Kita mengingati perkataan satu lagu rohani yang biasa didengari: “Patuhi perintah! Di dalamnya selamat; dan damai.” [lihat “Patuhi Perintah,” *Lagu Rohani*, no. 149].”³

Kekuatan dan Pengetahuan

“Kepatuhan adalah sifat biasa bagi nabi-nabi; ia telah memberikan kekuatan dan pengetahuan kepada mereka

sepanjang zaman. Ia adalah penting bagi kita untuk menyedari bahawa kita, juga, berhak mendapatkan sumber kekuatan dan pengetahuan ini. Ia adalah sedia ada untuk setiap orang hari ini apabila kita mematuhi perintah-perintah Tuhan. . . .

“Pengetahuan yang kita cari, jawapan-jawapan yang kita mahukan, dan kekuatan yang kita inginkan hari ini untuk menghadapi cabaran-cabaran dari dunia yang rumit dan berubah boleh didapati oleh kita apabila kita dengan rela mematuhi perintah-perintah Tuhan.”⁴

Pilih untuk Mematuhi

“Arah pendirian masa kita adalah serba membolehkan. Majalah dan rancangan televisyen menggambarkan bintang skrin filem, hero bidang sukan—mereka yang mahu dicontohi oleh ramai orang muda—sebagai mengabaikan hukum-hukum Tuhan dan menunjuk-nunjukkan amalan yang berdosa, seolah-olah tanpa kesan yang memudaratkan. Jangan anda percaya! Terdapat masa untuk perhitungan—bahkan pengimbangan lejar. Setiap Cinderella mempunyai masa tengah malamnya—jika tidak di hidup ini, maka di akhirat. Hari Penghakiman akan datang untuk semua. . . . Saya memohon dengan anda untuk pilih mematuhi.”⁵

Kegembiraan dan Kedamaian

“Ia mungkin kelihatan kadangkala kepada anda bahawa orang lain di dunia sedang berseronok lebih daripada anda. Beberapa di antara anda mungkin rasa terbatas oleh tatakelakuan yang kita ikuti di dalam Gereja. Saudara dan saudariku, saya mengatakan kepada anda bahawa tidak ada *apa-apa* yang membawa lebih kegembiraan ke dalam hidup kita atau lebih kedamaian kepada jiwa kita daripada

Roh yang boleh datang kepada kita apabila kita mengikuti Juruselamat dan mematuhi perintah-perintah.”⁶

Berjalan Dengan Lurus

“Saya bersaksi kepada anda bahawa berkat-berkat yang dijanjikan kita adalah di luar ukuran. Walaupun awan ribut akan berkumpul, walaupun hujan akan berlimpah ke atas kita, pengetahuan Injil kita dan kasih sayang kita terhadap Bapa Syurgawi dan Juruselamat kita akan menghiburkan dan mengekalkan kita dan membawa kegembiraan kepada hati kita apabila kita berjalan dengan lurus dan mematuhi perintah-perintah. Tidak ada sebarang perkara dalam dunia ini pun boleh mengalahkan kita.”⁷

Ikutilah Juruselamat

“Siapakah Manusia ini yang berduka cita, berkenalan dengan kesedihan? Siapakah Raja kemuliaan, Tuhan semesta alam? Dia adalah Tuhan kita. Dia adalah Juruselamat kita. Dia ialah Putera Tuhan. Dia adalah Pengarang Keselamatan kita. Dia memanggil, ‘Ikutilah Aku.’ Dia mengarahkan, ‘Pergi, dan berbuatlah kamu demikian.’ Dia merayu, ‘Patuhilah perintah-perintah Aku.’

“Mari kita mengikuti-Nya. Mari kita mengikuti contohnya. Mari kita mematuhi kata-kata-Nya. Dengan berbuat demikian, kita memberi-Nya kurnia ilahi kesyukuran.”⁸

NOTA

1. “They Marked the Path to Follow,” *Liahona*, Okt. 2007, 5.
2. “Keep the Commandments,” *Liahona*, Nov. 2015, 83.
3. “Patuhi Perintah,” 149.
4. “Kepatuhan Membawa Berkat,” *Liahona*, Mei 2013, 90, 92.
5. “Believe, Obey, and Endure,” *Liahona*, Mei 2012, 129.
6. “Stand in Holy Places,” *Liahona*, Nov. 2011, 83.
7. “Be of Good Cheer,” *Liahona*, Mei 2009, 92.
8. “Finding Joy in the Journey,” *Liahona*, Nov. 2008, 88.

MENGAJAR DARI PESANAN INI

Presiden Monson mengajar kita tentang berkat-berkat yang kita boleh terima dengan menjadi patuh, termasuk kekuatan, pengetahuan, kegembiraan, dan kedamaian. Pertimbangkan untuk menanya mereka yang anda ajar bagaimana mereka telah diberkati apabila mematuhi perintah-perintah. Anda boleh menggalakkan mereka untuk terus memikirkan berkat-berkat mereka dan menulis fikiran dan pengalaman mereka di dalam jurnal. Anda juga boleh menggalakkan mereka untuk menunjukkan kesyukuran kepada Tuhan untuk berkat-berkat mereka dengan terus menjadi patuh.

REMAJA

Api dan Pengajaran Kepatuhan

Presiden Thomas S. Monson pernah memberitahu tentang masa dia mempelajari kepentingan kepatuhan. Ketika dia berumur lapan tahun, keluarganya melawat kabin mereka di pergunungan. Dia dan kawannya hendak membersihkan tempat yang berumput untuk unggun api. Mereka cuba untuk membersihkan rumput dengan tangan, menarik dan merenggut sekuat yang boleh, tetapi mereka hanya dapat segelintir rumput. Presiden Monson menjelaskan, “Kemudian saya fikir saya telah memikirkan satu penyelesaian sempurna dalam minda lapan tahun saya. Saya berkata kepada Danny, “Apa yang kita perlu lakukan adalah membakar rumput ini. Kita hanya perlu *membakar* sebuah bulatan pada rumput ini!”

Walaupun dia tahu bahawa dia tidak dibenarkan untuk menggunakan mancis, dia berlari ke kabin untuk mendapatkan mancis, dan kemudian dia dan Danny membakar api yang kecil di tempat berumput itu. Mereka menjangka bahawa ia akan memadam sendiri, tetapi sebaliknya ia berkembang menjadi api yang besar dan berbahaya. Dia dan Danny berlari untuk mendapatkan bantuan, dan tidak lama kemudian orang dewasa bergegas datang untuk memadamkan api sebelum ia sampai ke pokok-pokok.

Presiden Monson bersambung, “Danny dan saya mempelajari beberapa pengajaran yang sukar tetapi penting pada hari itu—tidak terkecuali daripadanya adalah kepentingan kepatuhan.” (Lihat “Kepatuhan Datangkan Berkat,” *Liahona*, Mei 2013, 89–90.)

Seperti Presiden Monson, adakah anda pernah mempelajari satu pengajaran mengenai kepatuhan dalam cara yang sukar? Apakah matlamat yang anda boleh buat untuk menjaga diri dengan selamat melalui kepatuhan pada masa hadapan?

KANAK-KANAK

Pilihlah yang Benar

Milih yang benar membawa kita lebih dekat kepada Bapa Syurgawi dan Yesus Kristus. Ia juga membantu kita menjadi gembira dan selamat. Bulatkan cara-cara anda boleh memilih yang benar.

- Menipu di sekolah
- Membaca tulisan suci
- Pergi ke gereja
- Main mainan yang baik
- Bergaduh dengan adik beradik
- Layan orang lain



Keluarga Ditahbiskan Tuhan

Kaji bahan pengajaran ini dengan doa dan carikan inspirasi untuk mengetahui apa yang harus dikongsi. Bagaimana pemahaman tentang “Keluarga: Suatu Perisytiharan kepada Dunia” meningkatkan iman anda kepada Tuhan dan memberkati mereka yang anda jaga melalui pengajaran berkunjung? Untuk maklumat lebih lanjut, layari reliefsociety.lds.org.

“**D**alam kata-kata [lagu Sekolah Primer], ‘Keluarga Ditetapkan Tuhan,’ . . . kita diingatkan oleh ajaran suci,” kata Carole M. Stephens, Penasihat Pertama dalam Presidensi Umum Lembaga Pertolongan. Kita tidak hanya belajar bahawa keluarga ditetapkan Tuhan tetapi juga belajar bahawa kita masing-masing sebahagian keluarga Tuhan. . . .

“ . . . Rancangan Bapa untuk anak-anak-Nya adalah satu rancangan kasih sayang. Ia adalah rancangan untuk menyatukan anak-anak-Nya—keluarga-Nya—bersama Dia.”¹

Elder L. Tom Perry (1922–2015) daripada Kuorum Dua Belas Rasul berkata: “Kita juga percaya bahawa keluarga tradisional yang kuat bukan sahaja unit asas dalam masyarakat yang mantap, ekonomi yang stabil dan nilai budaya yang stabil—tetapi mereka juga adalah unit asas bagi keabadian dan kerajaan Tuhan.

“Kita percaya bahawa organisasi dan kerajaan syurga akan dibina disekeliling keluarga dan keluarga besar.”²

Bonnie L. Oscarson, presiden umum Remaja Puteri berkata: “Setiap orang, tidak kira status perkahwinan ataupun jumlah anak, boleh menjadi pembela rancangan Tuhan yang dihuraikan dalam perisytiharan keluarga. Jikalau ianya rancangan Tuhan, ia seharusnya juga menjadi rancangan kita!”³

Ayat-ayat Suci Tambahan

Ajaran dan Perjanjian 2:1-3; 132:19

Ajaran Keluarga

Sister Julie B. Beck, bekas Presiden Umum Lembaga Pertolongan, mengajar bahawa teologi keluarga adalah berdasarkan Penciptaan, Kejatuhan, dan Korban tebusan Yesus Kristus.

“Penciptaan bumi menyediakan satu tempat di mana keluarga boleh hidup. Tuhan mencipta satu lelaki dan satu perempuan yang bersama adalah dua bahagian penting dalam satu keluarga. Ia adalah sebahagian rancangan Bapa Syurgawi untuk Adam dan Hawa dimeteraikan dan membentuk satu keluarga abadi.

“ . . . Kejatuhan memungkinkan mereka untuk mempunyai anak

lelaki dan anak perempuan.

“Korban tebusan [Kristus] membenarkan keluarga untuk dimeteraikan bersama dalam keabadian. Ia membenarkan keluarga untuk mempunyai pertumbuhan dan kesempurnaan yang abadi. Rancangan kegembiraan, juga dipanggil rancangan keselamatan, adalah rancangan yang dicipta untuk keluarga. . . .

“ . . . Ini adalah ajaran Kristus. . . . Tanpa keluarga, tidak terdapat rancangan; tidak terdapat sebab untuk kehidupan fana.”⁴

NOTA

1. Carole M. Stephens, “Keluarga Ditetapkan Tuhan” *Liahona*, Mei 2015, 11.
2. L. Tom Perry, “Mengapa Perkahwinan dan Keluarga Penting—Di Seluruh Dunia,” *Liahona*, Mei 2015, 41.
3. Bonnie L. Oscarson, “Pembela Perisytiharan Keluarga,” *Liahona*, Mei 2015, 15.
4. Julie B. Beck, “Teaching the Doctrine of the Family,” *Liahona*, Mac 2011, 32, 34.

Pertimbangkan Ini

Mengapa keluarga adalah unit paling penting sekarang dan dalam keabadian?